

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL
RAHMAN [LABUAN]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status berkaitan dengan perancangan:

- (a) status menaik taraf Pelabuhan Merdeka Labuan yang sudah usang dan akan tamat tempoh penggunaannya pada tahun 2026; dan
- (b) status terkini perancangan pembangunan Labuan Integrated Port di atas tanah seluas 200 ekar yang telah disediakan oleh pihak Perbadanan Labuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) **Status menaik taraf Pelabuhan Merdeka Labuan yang sudah usang dan akan tamat tempoh penggunaannya pada tahun 2026;**

1. Berdasarkan kajian *Technical Assessment* yang telah selesai pada Mei 2024 ke atas struktur dan aksesori di Jeti Dermaga Merdeka, jeti tersebut boleh menampung permintaan dan keperluan operasi semasa sehingga tahun 2038. Walau bagaimanapun, kerja-kerja penyelenggaraan pemulihan dan pengukuhan struktur perlu dilaksanakan memandangkan terdapat beberapa struktur yang dijangka mengalami tekanan berlebihan mulai tahun 2026 sehingga 2028.

2. Dalam hubungan ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Lembaga Pelabuhan Labuan (LPL) telah selesai melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan sistem pencahayaan pada tahun ini dan pihak LPL juga telah selesai melaksanakan tindakan penyelenggaraan *trestle* Jeti Dermaga Merdeka pada Oktober 2024. Tambahan itu, pihak LPL akan melaksanakan tindakan penyelenggaraan berterusan bermula pada tahun 2025 bagi memastikan integriti struktur Jeti Dermaga Merdeka sentiasa dalam keadaan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua,

- (b) **Status terkini perancangan pembangunan Labuan Integrated Port di atas tanah seluas 200 ekar yang telah disediakan oleh pihak Perbadanan Labuan.**

3. Cadangan pembangunan Labuan Integrated Port masih dalam penelitian pihak Perbadanan Labuan. Kementerian Pengangkutan (MOT) akan melaksanakan tindakan sewajarnya bagi mempertimbangkan cadangan tersebut sebaik sahaja permohonan diterima.

Sekian, terima kasih.